

D973

U B370 AAB  
MAHATHIR - SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 9 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH PELBAGAI PIHAK KEPADA KEPIMPINANNYA.

MENURUT SATU KENYATAAN AKHBAR PEJABAT PERDANA MENTERI, SEJAK BEBERAPA HARI LEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENERIMA SURAT DAN TELEGRAM DARIPADA PARTI-PARTI POLITIK DAN PELBAGAI PERTUBUHAN, PERSATUAN SERTA ORANG PERSEORANGAN MENYATAKAN SOKONGAN TERHADAP KEPIMPINAN BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI.

SEMALAM, 12 PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) MENGADAKAN PERBINCANGAN TIDAK RASMI DENGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA DAN TELAH MENGIKRARKAN SOKONGAN TIDAK BERGANJAK KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR.

CUEPACS DAN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) JUGA TELAH MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR. --  
BERNAMA.

1238MST 09 02 88